

Publication : **Kosmo**
Date : 21 February 2017
Section : Niaga
Page : 51
Headline : Hua Yang lancar 2 kediaman di Perak
PR Value : 16,734.03

Hua Yang lancar 2 kediaman di Perak

KUALA LUMPUR – Hua Yang Bhd. (Hua Yang) bakal melancarkan dua projek kediaman baharu di Perak Tengah iaitu Erica dan Freesia dengan nilai pembangunan kasar (GDV) masing-masing bernilai RM68.7 juta dan RM37 juta.

Penolong Pengurus Besarnya, Tony Ng berkata, pembangunan yang terletak di Bandar Universiti Seri Iskandar (BUSI) itu, membuktikan keyakinan syarikat terhadap pasaran harta tanah di negeri Perak.

“Kami percaya negeri ini mempunyai potensi pertumbuhan yang kukuh, lebih-lebih lagi dengan keperluan yang semakin meningkat bagi rumah mampu milik.

“Dengan kemajuan kawasan pembangunan bersepadu BUSI berkembang pada kadar yang mantap hari ini, sekali gus mengukuhkan keyakinan kami bahawa BUSI akan terus menjana sumbangan positif kepada hasil kumpulan,” katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Projek Erica terdiri daripada 250 unit rumah teres dua tingkat yang berharga RM302,000 dan ke atas,



LAKARAN grafik mengenai projek kediaman Erica yang akan dibangunkan di Bandar Universiti Seri Iskandar.

serta dijangka siap pada Disember 2018.

Freesia pula merangkumi pembangunan rumah teres satu tingkat sejumlah 156 unit yang dijual pada harga RM220,000 dan ke atas seunit, serta dijadualkan siap menjel-

lang 2019.

Terletak secara strategik di titik tengah antara Ipoh dan Manjung, BUSI merupakan sebuah bandar bersepadu yang dibangunkan dengan GDV keseluruhan berjumlah RM1.1 bilion.